

25 JUN 1999

Osu-Pilihan raya

BN SABAH SIAP SEDIA HADAPI PILIHAN RAYA UMUM

KOTA KINABALU, 25 Jun (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Sabah yang masih segar dengan kemenangan selesa pada pilihan raya negeri Mac lepas, kini bersedia untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Ketua Menteri Datuk Osu Sukam berkata semua jentera pilihan raya yang lepas masih aktif dan bersedia digerakkan pada bila-bila masa untuk menghadapi pilihan raya itu yang hanya membabitkan kerusi parlimen di Sabah.

"Kita baru juga mengadakan pilihan raya negeri...tidak ada masalah menghadapinya kerana semua jentera masih aktif," katanya kepada pemberita selepas merasmikan penyampaian lesen pengagihan gas asli dan anugerah sijil MS ISO9002 kepada Perbadanan Tenaga Sabah Sdn Bhd (SEC) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN agar jentera pilihan raya setiap parti komponen BN mula digerakkan.

Ketika ditanya sama ada pandangan parti-parti komponen BN negeri akan diambil kira dalam pemilihan calon, Osu berkata: "Itu sudah tentu, sebenarnya BN Sabah tidak masalah. Ini bukan kali pertama kita menghadapi pilihan raya".

Kepada satu soalan sama ada semua sembilan parti komponen di Sabah akan mempunyai calon pada pilihan raya umum akan datang, beliau berkata: "Saya tidak tahu."

Pada pilihan raya umum 1995, BN memenangi 12 daripada 20 kerusi Parlimen manakala selebihnya dimenangi Parti Bersatu Sabah (PBS).

Jumlah kerusi parlimen BN di Sabah, bagaimanapun, kini meningkat kepada 14 kerusi apabila anggota parlimen Marudu Datuk Amir Kahar Tun Mustapha menyertai Umno dua tahun lepas manakala MP Penampang Paul Nointien menyertai PDS, sebuah parti komponen BN baru-baru ini.

Terdahulu, dalam ucapannya, Osu mahu semua organisasi terutama anak syarikat kerajaan melaksanakan langkah-langkah pembaharuan untuk menjadikannya berdaya saing dan dapat menghadapi cabaran-cabaran alaf baru.

Penganugerahan sijil MS ISO9002 dan pemberian lesen pengagihan gas asli untuk Sabah dan Labuan kepada SEC menunjukkan keyakinan terhadap perkhidmatan berkualiti syarikat berkenaan yang sekaligus menjadinya sebagai sebuah agensi utiliti di negeri ini, katanya.

"Agensi yang diberi pengiktirafan kualiti bukan sahaja semata-mata dikehendaki untuk mematuhi piawaian yang ditetapkan tetapi menjadi daya penggerak objektif kualiti iaitu untuk mendapatkan pulangan yang boleh diterima daripada pelaburan yang mereka ceburi," katanya.

-- BERNAMA

NT FAZ